

BERITA HARIAN

DATE: 24/10/2010

Najib berjaya kembalikan semangat UMNO: Dr M

BM-24/10/2010

TUN Dr Mahathir Mohamad menyifatkan transformasi dilakukan UMNO di bawah kepemimpinan Presidennya, Datuk Seri Najib Razak menunjukkan parti itu kembali kepada semangat asal perjuangannya yang mengutamakan rakyat.

Sambil melahirkan keyakinan terhadap pentadbiran Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata, perubahan yang dilakukan UMNO dari semasa ke semasa turut mengambil kira aspirasi golongan muda dan impak media baru terhadap golongan itu.

"Saya berharap ahli UMNO akan mengambil berat nasihat presiden parti," katanya selepas menghadiri hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Pu-

tra (PWTC), semalam.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir pula menyifatkan sokongan yang ditunjukkan ayahnya kepada kepemimpinan Najib adalah satu bonus tambahan kerana bekas Perdana Menteri itu juga mempunyai ramai sokongan.

"Sokongan Dr Mahathir itu adalah satu kebaikan kepada kepemimpinan Najib, tiada gunanya kita gaduh sesama sendiri, kini adalah masa untuk menjelaskan kepada rakyat kerja baik yang diperjuangkan UMNO.

"Kita perlu bekerja keras untuk mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

